

(EMBARGO UNTUK DISIARKAN SELEPAS PUKUL 5 PETANG INI)

KUALA LUMPUR, 24 JUN (BERNAMA) - DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENYARANKAN PENUBUHAN SEBUAH BANK MATA BAGI MEMPERBAIKI LAGI RAWATAN PEMINDAHAN KORNEA DI NEGARA INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA SELARAS DENGAN PEMBENTUKAN BANK ITU USAHA-USAHA HENDAKLAH JUGA DIJALANKAN UNTUK MENUBUHKAN SEBUAH PERSATUAN PENDERMA MATA.

BERUCAP MERASMIKAN FORAM MENGENAI AKTA TISU MANUSIA 1974 DI SINI BELIAU MENEKANKAN PEMBENTUKAN BANK SERTA PERSATUAN ITU AKAN MEMUDAHKAN LAGI PERKHIDMATAN SERTA RAWATAN MENGEMBALIKAN PENGLIHATAN ORANG-ORANG BUTA DI NEGARA INI.

FORAM TERSEBUT ADALAH ANJURAN PERSATUAN DOKTOR-DOKTOR PERUBATAN MALAYSIA, PERSATUAN BAGI ORANG-ORANG BUTA MALAYSIA DAN DIBIAYAI OLEH KELAB ROTARY KUALA LUMPUR.

DR. MAHATHIR BERKATA PEMINDAHAN KORNEA YANG ROSAK AKIBAT SELAPUT TELAH DIJALANKAN DENGAN JAYANYA DI HOSPITAL-HOSPITAL DI NEGARA INI.

PEMBEDAHAN-PEMBEDAHAN INI TELAH DAPAT DILAKUKAN HASIL KERJASAMA ERAT DARI PERSATUAN PENDERMA MATA SRI LANKA. - BERSAMBUNG 1210/BW

MAHATHIR - MATA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN KERAJAAN MEMANG SEDAR DAN MENGAMBIL PERHATIAN BERAT TENTANG MASALAH BESAR MENGENAI PENYAKIT BUTA DI NEGARA INI.

MENURUTNYA, DI NEGARA INI SEKARANG TERDAPAT ANTARA 20,000 HINGGA 30,000 ORANG BUTA.

BELIAU MENEGASKAN PENGLIHATAN ADALAH PANCAINDERA YANG PALING BERHARGA BAGI SESEORANG MANUSIA DAN PEMULIHANNYA ADALAH SATU PEMBERIAN YANG TIDAK TERNILAI BAGI SESEORANG BUTA.

DR. MAHATHIR BERKATA AKTA TISU MANUSIA YANG MEMBOLEHKAN PENGGUNAAN MANA-MANA BAHAGIAN BADAN MANUSIA TERMASUK TISU KORNEA DARI ORANG-ORANG YANG TELAH MENINGGAL DUNIA BAGI TUJUAN RAWATAN, PELAJARAN DAN PENYELIDIKAN TELAH PUN BERKUATKUASA PADA 1 JANUARI TAHUN INI.

AKTA INI MEMBOLEHKAN SESEORANG MEMBUAT SUMBANGAN KEPADA MASYARAKATNYA DENGAN MENDERMA BADANNYA ATAU SEBAHAGIAN DARI BADANNYA ITU UNTUK DIGUNAKAN APABILA IA MENINGGAL DUNIA.

LANGKAH INI DAPAT MENGEMBALIKAN KESIHATAN SESEORANG PESAKIT YANG MENGIDAP PENYAKIT KERANA SESUATU TISU ATAU ORGAN TIDAK BERFUNGSI DENGAN CARA BETUL.

DR. MAHATHIR BERKATA INI ADALAH SUATU NIKMAT BESAR YANG TIDAK ADA TOLOK BANDINGNYA KEPADA SEORANG PESAKIT KERANA ORGANNYA YANG TIDAK DAPAT BERFUNGSI ATAU ROSAK BOLEH DIGANTIKAN DENGAN TISU MANUSIA YANG TIDAK ROSAK DARIPADA SESEORANG YANG BARU MENINGGAL DUNIA. - BERSAMBUNG 1218/BW

BELIAU BERKATA CARA INI Amatlah Merugikan terutama bagi orang-orang buta kornea kerana kemalutian mata atau kemalangan perang.

DR. MAHATHIR MENYERU PIHAK-PIHAK BERKELAKA SUPAYA MEMBUAT PABLISITI MELUAS MENGENAI PERATURAN UNDANG-UNDANG PENDERMAAN TISU MANUSIA ITU.

MENURUTNYA SELAIN DARI PEMINDAHAN TISU KORNEA, PEMINDAHAN BUAH PINGGANG TELAH JUGA DIJALANKAN DENGAN JAYANYA DI NEGARA INI DENGAN KERJASAMA DAN SOKONGAN ORANGRAMAI.

KEJAYAAN-KEJAYAAN INI, TEGASNYA, ADALAH BUKTI TENTANG KEMAJUAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DI NEGARA INI YANG TELAH SAMPAI KE PERINGKAT YANG TINGGI.

NEGARA INI, KATANYA, MEMPUNYAI PAKAR-PAKAR SERTA PERALATAN YANG CUKUP TETAPI PARA PESAKIT HANYA AKAN MENDAPAT FAEDAH JIKA TERDAPAT SOKONGAN ORANGRAMAI YANG SANGGUP MENDERMA TISU-TISU DAN ORGAN YANG DIPERLUKAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN MENEGASKAN BAHAWA PEMINDAHAN TISU MANUSIA HANYA DIJALANKAN JIKA TIDAK TERDAPAT --), LAIN UNTUK MEMULIHKAN PESAKIT.

+HAKIKAT INI PERLU DIFAHAM OLEH SEMUA PIHAK SUPAYA TIDAK TIMBUL KERAGUAN ATAU SALAHSANGKA, + KATANYA. - BERNAMA 1222/BW

658:

MAHATHIR - MATA 4 KUALA LUMPUR (SAMBUNG BERITA BILANGAN 532)

DALAM MAJLIS FORAM, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, TAN SRI CHONG HON NYAN YANG MENJADI SALAH SEORANG ANGGUTA PANEL BERKATA PENDERMAAN TISU BADAN MERUPAKAN SATU PENGORBANAN.

BERTAMBAHNYA BILANGAN ORANG YANG MEMINTA DIMASUKKAN KE HOSPITAL MENJADI BUKTI BAHAWA SEMAKIN RAMAI ORANG MENERIMA TEKNIK RAWATAN MODEN SEBAGAI SATU CARA HIDUP.

LAIN-LAIN ANGGUTA PANEL IALAH DR. HUSSEIN BIN AWANG, SEORANG DOKTOR BEDAH PERUNDING DI HOSPITAL BESAR DI SINI, PROF. AHMAD IBRAHIM, DEKAN FAKULTI UNDANG-UNDANG, UNIVERSITI MALAYA, PUAN R. BHUPALAN DARI MAJLIS KEBANGSAAN PERTUBUHAN WANITA DAN VEN. REV. DHAMMANANDA, KETUA PADERI BESAR PERSATUAN DAKWAH BUDDHA.

HAKIM BESAR TAN SRI S.S. GILL MEMPENGERUSI FORAM ITU.

DR. HUSSEIN BERKATA SESIAPA JUGA YANG MENDERMAKAN ORGANNYA SEBELUM ATAU PADA MASA KEMATIANNYA UNTUK KESEJAHTERAAN ORANG LAIN YANG MEMERLUKANNYA, ADALAH MEMPUNYAI NILAI KEMANUSIAAN YANG CUKUP TINGGI.

BELIAU BERKATA KADAR KEJAYAAN PEMINDAHAN KORNEA DAN BUAH PINGGANG SEKARANG ADALAH TINGGI BERBANDING DENGAN RAWATAN KANSER.

BELIAU MENCADANGKAN BORANG-BORANG PENDERMA DISEBARKAN KEPADA ORANGRAMAI UNTUK MENOLONG MEREKA MENGAMBIL KEPUTUSAN TENTANG PENDERMAAN ORGAN MASING-MASING DEMI FAEDAH ORANG-ORANG YANG MEMERLUKANNYA. -- BERSAMBUNG 2119/A1

659:

MAHATHIR - MATA 5 KUALA LUMPUR

PROF. AHMAD IBRAHIM BERKATA UGAMA ISLAM TIDAK MENENTANG UMATNYA MENDERMA APA JUGA ORGAN BADAN SEPERTI BUAH PINGGANG ATAU KORNEA UNTUK DIPINDAHKAN.

VEN. REV. DHAMMANANDA BERKATA UGAMA BUDDHA MENGHENDAKI PENGANUT-PENGANUTNYA BERKORBAN JIKA PERLU UNTUK FAEDAH ORANG LAIN.

BELIAU YAKIN BERIBU-RIBU ORANG PENGANUT UGAMA BUDDHA DI NEGARA INI BERSEEDIA MENDERMAKAN MATA.

PUAN BHUPALAN MENYERU PIHAK BERKUASA MEMBERI PENERANGAN PENUH MENGENAI AKTA TISU MANUSIA BAGI MENGGALAKKAN ORANGRAMAI MENDERMAKAN ORGAN MEREKA. -- BERNAMA 2121/A1